

PENJAGAAN RIWAYAT-RIWAYAT AL-QURAN MELALUI BACAAN "JAM' AL-QIRAAT": SATU PENGENALAN

Muhammad Fairuz A.Adi

Muhd Syafee Salihin

Mohd Mahfuz Jaafar

fairuz@kuis.edu.my

mrsyafee@kuis.edu.my

mohdmahfuz@kuis.edu.my

*Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

ABSTRAK

al-Quran diturunkan oleh Allah SWT kepada baginda Nabi Muhammad SAW dengan tujuh huruf dan ianya telah dijamin selamat dari segala bentuk penyelewangan. Baginda pula telah membacakan segala lafaz al-Quran kepada para sahabat RA melalui proses talaqi. Proses talaqi al-quran menjadi satu tradisi umat islam hingga ke hari ini. Di dalam ilmu periwayatan al-quran, terdapat satu proses talaqi dimana segala riwayat qiraat akan dihimpun dalam satu bacaan. Proses ini dinamakan jam' al-qiraat. Ia merupakan satu bentuk penjagaan riwayat al-quran khususnya bacaan qiraat yang dicipta oleh para ulama silam dalam memastikan segala riwayat yang sahih tidak hilang, terjaga dan tidak bercampur aduk dengan riwayat yang tidak sahih. Dalam kertas kerja ringkas ini, penulis cuba memberi pengenalan awal mengenai jam' al-qiraat serta sorotan sejarah bagaimana ia bermula dan kupasan isu-isu berkaitan dengan istilah ini. Semoga kertas kerja ini memberi manfaat kepada para ilmuwan dalam mendalami talaqi riwayat al-Quran dan al-qiraat dan memberi nilai tambah pengetahuan kepada pecinta ilmu al-quran

Kata Kunci: Al-Qiraat, Jam' Al-Qiraat, Talaqi, Riwayat, Sab'ah Ah-Ruf

PENDAHULUAN

Pengajian al-qiraat merujuk kepada satu disiplin ilmu yang berkaitan dengan lafaz – lafaz wahyu al-Quran. Pengajian ini pada asasnya lebih khusus membincangkan sebutan sebahagian lafaz-lafaz wahyu yang dinisbahkan kepada imam-imam tertentu dalam periwayaan al-Quran. Seperti yang kita sedia maklum bacaan al-quran tidak

hanya terhad kepada bacaan menurut mazhab imam Hafs sahaja. Bahkan bacaan al-Quran mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh mazhab yang digunapakai diseluruh dunia. Kesemua bacaan tersebut merupakan sebahagian tinggalan dari Rasulullah SAW untuk umatnya. Kerana sebahagian qiraat telah dinasakhkan bacaannya ketika semakan al-Quran pada tahun terakhir kehidupan nabi Muhammad SAW sebelum baginda dijemput mengadap kekasihnya Allah SWT.

Bacaan qiraat dan penyampainnya kepada umat pada zaman penurunan wahyu adalah sedikit berbeza dengan apa berlaku pada zaman para imam qiraat khususnya zaman berlakunya percampuran antara riwayat yang sahih dengan riwayat yang ditolak. Rasulullah SAW membacakan al-Quran kepada para sahabat dengan wajah yang berbeza antara satu sama lain menurut kemampuan sebutan seseorang sahabat itu. Ini kerana al-Quran diturunkan kepada dengan sab'ah ahurf di mana ia merupakan satu rahmat Allah SAW kepada hambaNya untuk memudahkan mereka membaca al-Quran.

Perkembangan kehidupan manusia dari satu zaman kepada satu zaman memberi kesan kepada pengajian ilmu-ilmu islam. Perkembangan ini juga memberi kesan pengajian qiraat secara riwayat dan bertalaqi. Komitmen masa manusia terhadap periwayatan bacaan qiraat semakin menurun. Mereka tidak lagi boleh memberi tumpuan yang penuh sesuatu ilmu dengan tempoh yang lama dan panjang. Dalam masa yang sama, bacaan qiraat dengan pelbagai wajah harus terus subur dan tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja sehingga ia mati ditelan zaman. Maka ketika ini lah para ulama telah mencipta bacaan qiraat secara jam' iaitu seorang pelajar itu tidak perlu menghabiskan 30 juz al-Quran dengan satu riwayat yang sama, kemudian baru boleh berpindah ke riwayat seterusnya bahkan mereka boleh membaca 10 riwayat qiraat serentak dengan satu khatam sahaja.

penulisan ini memberi pengenalan kepada kaedah bacaan jam' al-qiraat serta perkara-perkara berkaitan dengan cara ini. muga-muga penulisan ini memberi input baru kepada perkembangan ilmu-ilmu di kalangan penyelidik dan pecinta ilmu.

DEFINISI JAM' AL-QIRAAT

Jika kita menelusuri sejarah perkembangan qiraat khususnya berkaitan dengan jam' al-qira'at, kita tidak mendapati ulama-ulama terdahulu dikalangan ahli al-ada' memberi takrifan mengenai istilah jam' al-qira'at. (Ubaidi, 2006). Ini terjadi kerana ulama atau ahli riwayat memberi focus kepada periwayatan jam' secara praktikal dan obsesi mereka untuk memahami dan mengingati lafaz qiraat sangat tinggi secara bacaan ifrad.

Pentakrifan istilah jam' al-qiraat yang boleh memberi kefahaman yang jelas kepada pembaca adalah yang disusukan oleh Ubaidi, 2006:

أن يجمع القاري بين الروايتين أو قراءتين متواترتين فأكثر لأحد القراء السبعة أو العشرة المشهورين. حسب مذهب معين من مذاهب العلماء في كيفية الجمع. وفي نطاق مرتب محددة من مراتبه بتلاوة جزء من آية أو آية فأكثر من القرآن في مجلس واحد وضمن ختمة واحدة.

Terjemahan:

Seseorang qari menghimpun 2 riwayat atau 2 qiraat yang mutawatir atau lebih di kalangan salah seorang dari 7 imam atau 10 imam yang masyhur. Bacaan qari tersebut adalah menurut mazhab para ulama dalam membaca secara al-jam'. Menurut cara yang ditetapkan dengan membaca sebahagian dari satu ayat atau satu ayat yang lengkap atau lebih dalam satu majlis bacaan.

Definisi ini memberi makna bahawa seseorang qari itu membaca satu ayat dengan menghimpunan beberapa qiraat atau secara serentak dalam satu majlis bacaan. Seandainya satu ayat itu tiada khilaf qiraat dikalangan imam yang sepuluh maka ianya akan dibaca sekali sahaja kerana bacaan pertama tadi telah menghimpun keseluruhan qiraat. Jika bacaan sesuatu ayat itu menghimpun 5 qiraat sahaja dari jumlah keseluruhan 10 qiraat. Maka ia qari tersebut perlu menyelesaikan baki khilaf yang tidak termasuk dalam bacaan pertama tadi.

SEJARAH PERKEMBANGAN QIRAAT SECARA AL-JAM'

Penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW seperti yang diketahui adalah secara beransur-ansur sehingga cukup satu surah yang lengkap dan kadangkala diturunkan kepada baginda satu surah secara serentak. Baginda pula membacakan kepada kepada para sahabat dengan pelbagai sebutan terhadap kalimah tertentu dengan tujuan meraikan kebiasaan sebahagian sahabat RA dalam penuturan. Ia juga sebagai satu rahmat untuk untuk menjinakkan hati dan memudahkan para umat ketika awal-awal islam membaca al-Quran. Sepertimana Firman Allah SWT (al-Qamar, 17):

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ۝ ١٧

Maksudnya:

17. Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?

Sejarah telah mencatatkan bahawa Rasulullah SAW kadangkala membacakan sesuatu ayat kepada seseorang sahabat dengan qiraat yang berlainan antara satu sama lain menurut berpandukan ahruf al-sab'ah yang diturunkan dengan al-Quran. Para ahli sejarah melihat ia merupakan satu permulaan kepada perkembangan ilmu qiraat. Para sahabat pula menghafal ayat dibacakan oleh baginda Rasulullah SAW(dengan qiraat tertentu) dan menyampaikan kepada para sahabat yang lain yang mempunyai keuzuran untuk mendengar bacaan ayat-ayat tersebut secara langsung dari mulut baginda. Begitulah salah satu tradisi penyampaian ayat-ayat al-quran oleh para sahabat setelah mendengar dari nabi SAW.

Sejarah juga merekodkan terdapat sebahagian sahabat RA yang diangkat oleh Allah SWT menjadi "qurra'" utama. Mereka menjadi sumber utama kepada ribuan para sahabat untuk membacakan al-quran dan mejadi rujukan dalam bacaan. Ketekunan mereka terhadap riwayat al-Quran serta kemahiran mereka qiraat yang pelbagai menjadikan nama mereka masyhur sebagai penjaga utama wahyu al-quran beserta al-ahruf al-sab'ah.

Mereka adalah khulafa' al Rasyidin yang empat diikuti oleh saidina Abdullah bin Mas'ud(32H), Abdullah bin Abbas (68H), Ubay bin Ka'b (33H), Zaid bin Thabit (45H), Salim mawla Abu Huzaiifa (12H) dan Muadz bin Jabal (18H). Nama-nama yang disebutkan merupakan sumber utama selepas Rasulullah SAW dalam membantu perkembangan bacaan al-quran dan al-qira'at. Pengambilan bacaan al-Quran dengan bacaan qiraat tertentu disampaikan secara ifrad iaitu riwayat tunggal tidak dicampur dengan qiraat yang berlainan bermula dari zaman Rasulullah SAW seterusnya zaman Sahabat RA.

Tradisi talaqi al-quran adalah secara bacaan ifrad pada asalnya. Ibn al-Jazari, menyatakan dalam al-Nasyr "mereka (ulama qiraat) membaca satu riwayat dengan satu syeh khusus beberapa kali khatam mereka tidak menukar kepada riwayat lain. al-ustaz Abu al-Hasan Ali bin Abd al-Ghani al Husari al-Qairawani megambil riwayat qiraat tujuh dengan gurunya Abu Bakr al-Qasri sembilan puluh kali khatam. Setiap kali satu

khatam dia berpindah ke riwayat lain sehingga selesai. Ia mengambil masa sepuluh tahun. (Ibn al-Jazari, t.th).

Kata ibn al-jazari lagi, Abu al-Fath faraj bin Umar al-wasiti salah seorang shuyukh al-quran kepada Ibn Siwar membaca riwayat Abu Bakr (Syu'bah) dengan gurunya Ibn Syair al-Wasiti beberapa kali khatam dalam masa beberapa tahun. Para Ulama membaca satu persatu riwayat-riwayat qiraat dengan guru yang satu. Mereka tidak mengimpunkan satu riwayat dengan yang lain. ini adalah keadaan talaqi pada zaman-zaman awal. (Ibn al-Jazari, t.th)

Membaca riwayat qiraat secara al-jam' bermula akhir kurun ke 4 hijrah atau permulaan kurun ke 5 hijrah. (Ubaidi, 2006) kedua-dua tarikh tersebut dinukilkan dari al-Munjid dan al-Nasyr oleh ibn al-Jazari. Cara bacaan qiraat secara al-jam' ini mula berkembang pada zaman imam al-Dani (444H), Ibn Shita (405H), Ali Hasan al-Ahwazi (446H) dan Abu al-Qasim al-Huzali (465H).

(Ibn al-Jazari, t.th) menyatakan bahawa abu al-Izz al-Qalansi membaca dihadapan abu al-Qasim al-Huzali(465H) qiraat yang ada dalam kitab al-Kamil dengan sekali khatam. Untuk pengetahuan pembaca, kitab al-Kamil oleh al-Huzali merekodkan qiraat imam yang 10 dan ditambah dengan 40 lagi qiraat lain. ini bermakna al-Qalansi membaca 50 qiraat dengan al-Huzali dengan sekali khatam.

Pada kurun ke tujuh pula imam al-kamal al-Darir (661H) telah membaca dihadapan imam al-Syatibi qiraat imam tujuh secara al-jam' sehingga 19 kali khatam. Tradisi imam al-kamal al-Darir ini teruskan hingga ke kurun ke 8 hijrah iaitu pada zaman imam Ibn al-Jazari. Pada zaman ini , Ibn al-Jazari telah meletakkan syarat iaitu bacaan secara al-jam' qiraat 7 imam hanya dibenarkan selepas seseorang tu telah selesai membaca ifrad setiap riwayat iaitu 21 kali khatam.

Bacaan secara al-jam' telah dibuat dengan pelbagai cara, terdapat qari yang menghimpun hanya 2 qiraat dalam satu bacaan, ade yang menghimpun 8 qiraat dan terdapat juga imam yang menghimpunkan bacaan mutawatirah dengan bacaan qiraat syaz dalam satu majlis bacaan. Iaitu mereka menghimpun bacaan imam Hasan al-Basri, imam A'masy dan Ibn Muhaysin dengan imam 10 yang mutawatir.

HUKUM JAM' AL QIRAAT

Dalam menyatakan pendirian mengenai hukum membaca qiraat secara al-jam', ulama terpecah kepada tiga golongan. Sebahagian ulama mengharuskan secara mutlak,

kumpulan ke dua menegah kaedah al-jam secara total dan golongan ketiga berpendapat ia harus hanya untuk talaqi dan mengambil riwayat dari para syaikh.

Golongan Yang Menyatakan Harus

Ulama dari golongan ini menyatakan bahawa bacaan qiraat secara al-jam' adalah harus samada ketika proses talaqi atau selainnya. Mereka berpendapat bahawa bacaan al-jam ini adalah bentuk tikkar pada yang yang biasa dibuat oleh Rasulullah SAW. Mereka bersandarkan satu hadis riwayat imam Nasie dan Ibn Majah yang disandarkan kepada saidina Abu Dzar RA. Bahawa Rasulullah SAW mengulang-ulang ayat :

إِنْ تُعَذِّبُهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ وَإِنْ تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ١١٨

Antara lain, mereka menyatakan bacaan secara al-jam' tiada asas untuk meletakkan larangan keatasnya kerana tiada nas yang qat'i yang melarang kaedah bacaan ini. Mereka menyatakan lagi “ bacaan al-jam' merupakan amalan pada ulama kurun ke 5 hingga ke zaman ini tanpa ada sebarang konfrontasi dari seseorang pun, ianya boleh dianggap sebagai al-ijma' al-sukutiy. (Qabah, 1999)

Syeh Abd al-Aziz bin Abd al-Fattah antara yang menyokong pendapat ini berkata:

Menghimpun bacaan qiraat tidak menjadi kesalahan menurut pendapat aku samada diluar atau dalam solat. Bagi seorang qari mesti disyaratkan niat yang baik serta selamat halatuju dana man dari kesalahan. Ia merupakan termasuk dalam keringanan pada umum hadith nabi: (فاقرؤا منها ما تيسر) iaitu bacalah yang mudah-mudah daripada huruf yang telah diturunkan. Dan ini (bacaan al-jam) adalah satu bentuk kemudahan. (Qabah, 1999)

Golongan Yang Menegah Secara Mutlak

Antara ulama yang memegang dengan pendapat ini adalah Ibn al-Jauzi. Beliau menyatakan dalam Talbis al-Iblis ketika komentar beliau terhadap golongan qurra' “ada diantara mereka yang menghimpun qiraat dalam satu bacaan seperti: ملك، مالك، ملاك ini adalah tidak boleh kerana mengeluarkan al-Quran dari susunan asal. (al Jawzi, 1403 H)

Golongan ini melabelkan cara bacaan al-jam' sebagai bida'h yang dibuat-buat dan ianya tidak dilakukan oleh golongan salaf. Pelbagai dalil dan nas diutarakan untuk menyokong pendapat mereka, antara firman Allah SWT (Yusuf: 108):

... قُلْ هُدًى سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعِيَ

Maksudnya:

108. Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata.

Antara ulama komtemporari yang mendokong pendapat ini adalah Abu Bakr bin Muhammad bin Ali bin Khalaf al-Husaini yang mengarang kitab al-Bayyinat fi hukm Jam'al-Qiraat untuk menolak pendapat syaikh Khalil al-Janayini yang mengharuskan kaedah ni dalam kitabnya Hidayah al-Qurra wa al-Muqri'in.

Antara sebab lain yang dinyatakan dalam penolakan mereka terhadap kaedah ini adalah bacaan secara al-jam' ini tidak membawa banyak faedah, bahkan ianya boleh menjerumuskan seseorang kepada kerosakan kesalahan dan percampuran riwayat.

Golongan yang mengharuskan al-Jam' dalam Talaqi

Golongan ketiga ini merupakan golongan jumbuh qurra. Mereka mengharuskan bacaan secara al-jam' ketika proses talaqi sahaja dan menegah selain dari itu. Antara ulama yang memegang dengan pendapat ini adalah imam ibn al-Jazari(833H). beliau dalam karyanya al-Munjid berkata “yang zahir pada aku bahawa pembacaan secara al-jam' bermula pada akhir kurun ke 4, manusia membaca dengan kaedah ini, para ulama turut mengikuti kaedah ini dalam aku tidak mengetahui sesiapa yang menegahnya, cara ini digunakan oleh al-hafiz abu Amru al-Dani, Makki al-Qaysi dan Ibn Mahran, imam al-Huzali, Abu al-Izz al-Qalansi, al-Hafiz abu al-'Ala al-Hamdani, al-Syatibi dan Ishaq. (al Jazari, 1999)

Ibn Hajar al-Qastallani berpendapat keharusan membaca dengan kaedah al-jam' adalah dengan syarat tidak menghilangkan makna ayat dan tidak menukar i'rab. Keharusan yang diberikan oleh golongan ini tidak melihat kepada dalil dari al-quran atau hadis tetapi mereka memfokuskan kepada keperluan kepada membaca qiraat secara al-jam'. Menurut golongan ini, faktor perkembangan kehidupan manusia dan pengajian ilmu

persekitaran mereka memberi kesan kepada keharusan membaca qiraat secara al-jam'. (Ibn al-Jazari, t.th) menyenaraikan dua faktor besar dalam memberi keharusan untuk membaca secara al-jam' iaitu manusia ketika itu (kurun ke 5) ingin menguasai sesuatu ilmu dengan cepat supaya boleh berpindah dan memberi fokus kepada pengajian ilmu lain. Kedua, para ulama takut manusia meninggalkan ilmu ni (riwayat qiraat) secara mutlak kerana ia mengambil masa yang lama untuk membaca dari satu riwayat kepada riwayat seterusnya. Faktor kelemahan azam manusia dan minat terhadap qiraat dilihat semakin kurang ditambah dengan keadaan sekitar yang memalingkan kepada dari kebaikan.

Atas faktor yang disebutkan tadi, maka ibn al-Jazari dan imam-imam qiraat yang lain mengambil pendekataan yang bijak dalam memastikan ilmu periwayatan qiraat terus subur dan proses talaqi berjalan seiring dengan pergerakan zaman dan terus diamalkan hingga ke hari ini. Pendekatan ini merupakan satu bentuk pendekatan yang digalakkan oleh syara' dibawah kaedah sad al-zarai' dalam memastikan setiap riwayat qiraat dibaca dan diwariskan seterusnya menghalang dari kemasukan riwayat yang tidak sah. Yang lebih penting bacaan dengan kaedah al-jam' adalah satu kaedah penjagaan riwayat qiraat dari sebarang kesalahan dan kehilangan ditelan oleh zaman.

PENUTUP

Pengajian al-qiraat telah melalui pelbagai cabaran bermula dari penurunan wahyu al-quran hingga ke harini. Segala cabaran dan liku dalam memastikan riwayat qiraat ini hidup hingga ke akhir zaman dapat diatasi oleh para ulama dengan anugerah kebijaksanaan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada mereka. Walaupun al-Quran telah dijanjikan penjagaan serta pemeliharaan dari Allah SWT. Namun yang ditaklifkan untuk membacanya serta mengajarkannya adalah umat nabi Muhammad SAW. Para ulama mengambil tanggungjawab ini dalam memastikan kalimah Allah sentiasa dibaca dan berkumandang di bumi ini,.

Perkembangan bacaan qiraat secara ifrad kepada kaedah secara al-jam' merupakan salah satu uslub yang baik dan penting yang dicipta oleh ulama untuk memastikan sab'ah ahruf yang turun seiring dengan menjadi bacaan di lidah manusia. Segala riwayat ini perlu dijaga dan disuburkan kerana ia adalah tinggalan Rasullullah SAW kepada umat yang baginda sayangi lebih-lebih lagi objektif utama sab'ah ahruf atau bacaan qiraat adalah satu bentuk rahmat dari Allah SWT untuk memudahkan umat islam membaca al-Quran dan beroleh pahala serta keredaanNya.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

al Jawzi, A. R. (1403 H). *Talbis al-Iblis*. Beirut: Dar al-Qalam.

al Jazari, M. I. (1999). *Munjid al-Muqri'in wa Mursyid al-Talibin*. Beirut: Dar al-kutub al-Alamiyah.

Albahuti, M. (2012). *Kashaf Al Qanna'*. Cairo: Dar Al Ilm.

albakillani, A. (2016). *Al insaf*. Cairo: Maktabah al azhariyyah.

AlGharnati, M. (2012). *Altaj wa al iklil* . Bairut: Dar Alkutub al ilmiyyah.

Ali, O. (2015). *Tabyien Al-Haqaeq Sharh Kanzu al-daqaek*. Bulaq: Matba"ah al-amiriyyah al-kubra.

Alkasani, A. (2016). *Badai'i alsanai'i*. Cairo: Dar Alkutub Al ilmiyyah .

alqurtubi, M. (2015). *almuqaddimat*. bairut: dar al ilm.

Alsana'ani, M. (2013). *Subulussalam syarh bulugh almaram*. bairut: Maktabah alma'arif.

arab, i. a. (2008). *Ahkam Al Quraan*. Bairut: dar al kutub al ilmiyyah.

Basmeih, S. A. (2010). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Ibn al-Jazari, M. b. (t.th). *al-Nashr fi al-Qiraat al-Ashr*. Beirut: Dar al-Kutb al-Alamiyah.

Ibnhammam, K. (2010). *Fathu alqadir*. Bairut: Dar al Fikir.

IbnHazm, A. (2014). *Al Muhalla*. Bairut: Dar al kutub al ilmiyyah.

Khalil.Ahmad. (2008). *Hukum Perubatan Traditional*. Jeddah: Dar-al-risalah.

nawawi, y. a. (2014). *Al majmuk*. Jeddah: maktabah al irsyad.

Qabah, a. H. (1999). *al-Qiraat al-Quraniyyah*. Beirut: Dar al-Gharb.

Qastalani, A. b. (T.th). *Lataif al Isyarat li Funun al Qiraat*. Makkah: Majma' al Malik Fahd li Tiba'ah al Mushaf al Syarif.

Taimiah, I. (2014). *Majmuk Al-Fatawi*. Riyadh: Dar-Al ilm.

Ubaidi, F. (2006). *al-Jam' al-Qira'at al-Mutawatirah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.